



**SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
30 Jamadilawal 1442 / 14 Januari 2021**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai status terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam bagi Khamis, 30 Jamadilawal 1442H bersamaan 14 Januari 2021M, setakat jam 12.00 tengahari.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	174		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	3	3	168

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (253 hari yang lalu)	33 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
613	11,185

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
308 sampel	86,367

2. Sehubungan dengan berita mengenai satu kes positif yang dilaporkan di negara jiran pada 13 Januari 2021 dan yang dikatakan diimport dari Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa penyiasatan awal telah mendapati tidak ada kontak terdekat telah dikenalpasti. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan telah memperluaskan aktiviti surveilan untuk memastikan tidak ada jangkitan terpendam berlaku di kalangan masyarakat. Setakat ini, seramai 37 orang yang terdiri dari rakan-rakan termasuk rakan kerja yang telah bertemu dengan kes berkenaan dalam masa 14 hari sebelum kes tersebut meninggalkan Negara Brunei Darussalam telah diarahkan untuk menjalani ujian SAR-CoV-2 bagi tujuan surveilan ini. Mereka juga telah diarahkan untuk menjalani pengasingan diri sehingga keputusan ujian diperolehi.
3. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui **aplikasi Bruhealth**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/1

Tarikh : 30 Jamadilawal 1442H / 14 Januari 2021M